



KEMENTERIAN KERJA RAYA
MALAYSIA

KENYATAAN MEDIA

MAJLIS PELANCARAN PROJEK LEBUHRAYA PAN BORNEO SABAH

KOTA KINABALU, 24 April 2016 - Y.A.B. Perdana Menteri, Dato' Sri Mohd Najib Bin Tun Haji Abdul Razak, hari ini melancarkan majlis pelaksanaan projek Lebuhraya Pan Borneo Sabah Syarikat Borneo Highway PDP Sdn. Bhd. (BHP) di Papar, Sabah.

Turut hadir pada majlis pelancaran tersebut adalah Y.A.B Datuk Seri Panglima Musa Haji Aman, Ketua Menteri Sabah, YB Dato' Sri Haji Fadillah Haji Yusof, Menteri Kerja Raya Malaysia dan Yang Berhormat Tan Sri Datuk Sri Panglima Joseph Pairin Kitingan, Tmbalan Ketua Menteri Merangkap Menteri Pembangunan Infrastruktur Sabah.

Pelancaran Lebuhraya Pan Borneo Sabah ini membuktikan komitmen Kerajaan untuk memperkukuhkan lagi pembangunan infrastruktur di negara ini. Secara holistiknya, pembinaan Lebuhraya Pan Borneo Sabah ini merupakan pelengkap usaha melengkapkan jaringan lebuhraya Sabah dan Sarawak dengan matlamat untuk pembinaan jalan raya yang lebih selamat dan selesa.

Apabila siap kelak, Projek Pan Borneo Sabah ini berupaya merubah lanskap infrastruktur dan menjadi jaringan perhubungan bandar-bandar utama Sabah seperti Kota Kinabalu, Tuaran, Kudat hinggalah ke Tawau. Selain itu, projek bernilai RM12.86 billion dan dijangka siap sebelum 31 Disember 2021 ini berupaya menjadi pemacu ekonomi setempat serta menyokong pertumbuhan industri-industri sedia ada dan baru. Sektor pelancongan termasuklah agro-pelancongan dijangka akan turut memperolehi *spill over effect* memandangkan produk-produk pelancongan ini akan dapat dihubungi dengan mudah oleh pelancong.

Sepertimana yang dimaklumkan sebelum ini, projek ini akan dilaksanakan melalui model Project Delivery Partner (PDP) berdasarkan perjanjian yang telah dipersetujui oleh tiga pihak iaitu Kerajaan Persekutuan, Kerajaan Negeri Sabah dan pihak PDP. Syarikat Borneo Highway PDP Sdn. Bhd. (BHP) telah dilantik sebagai PDP untuk pelaksanaan projek Lebuhraya Pan Borneo Sabah dengan sokongan pakar industri, UEM MMC Joint Venture Sdn Bhd. Pihak PDP akan bertindak sebagai *single point of accountability* yang bertanggungjawab dalam mengurus dan menyelia pembangunan fasa pertama lebuhraya.

KEMENTERIAN KERJA RAYA
24 APRIL 2016

Dikeluarkan oleh:

Unit Komunikasi Korporat | Kementerian Kerja Raya Malaysia

☎ : 03- 8000 8000 / D.L :03-2771 4616 / 4627 | 📠 : 03-2711 1101

Laman Web : www.kkr.gov.my | Kementerian Kerja Raya | @MOWorks | Pro@kkr.gov.my